

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PELUANG PERLUAS PASARAN DI FIM2020

KUALA LUMPUR, 20 Januari 2020 – Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2020 (FIM2020) yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Persatuan Francais Malaysia (MFA) akan berlangsung pada 9 hingga 11 April 2020 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) menyediakan pendedahan dan peluang perniagaan kepada pengunjung yang berminat untuk menjadi usahawan francais. Penganjuran FIM 2020 ini juga disokong dan diiktiraf sepenuhnya oleh badan francais antarabangsa iaitu *World Franchise Council (WFC)*, *Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)* dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata sehingga kini sebanyak 116 ruang pameran telah diisi oleh francaisor tempatan dan antarabangsa. “FIM2020 yang bertemakan *Beyond 2020: Towards Digitizing Franchising* akan membawa kepada pencapaian yang signifikan dan memberi cabaran yang baru kepada industri francais Malaysia untuk menghadapi perkembangan pendigitalan dalam memodenkan fungsi sumber manusia, memenuhi jangkaan pelanggan, menambahbaik proses operasi perniagaan dan membangunkan model perniagaan digital” katanya ketika Majlis Pelancaran FIM2020.

FIM2020 ini akan menarik lebih 15,000 orang pengunjung dan menyasarkan transaksi potensi urus niaga berjumlah RM450 juta dengan sebanyak 142 ruang pameran. sepanjang tiga hari pameran berlangsung.

Selain daripada aktiviti utama pameran dan persidangan antarabangsa, turut diadakan Sesi Pemadanan Perniagaan antara francaisor dan bakal usahawan francais serta *Franchise In-Buying Mission (FIBM)* untuk menarik minat para pengunjung FIM2020. Ini adalah antara aktiviti yang diadakan bagi membantu peserta pameran serta pengunjung untuk mendapatkan lebih banyak pendedahan dan pengetahuan sepanjang program berlangsung.

Sementara itu, program ini juga turut mendapat tajaan daripada pelbagai pihak termasuk daripada Perbadanan Nasional (PNS), Doorianeka (M) Sdn Bhd (Doorian), Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market), Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown), Cleanpro Express Sdn Bhd (Cleanpro) dan Muzart Learning Centre Sdn Bhd (Muzart).

FIM kali ini akan menghimpunkan pemamer daripada 14 negara seperti Australia, Belanda, Taiwan, Indonesia, Itali, Jordan, Rusia, Singapura, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, Kementerian bersama MFA menggesa agar para penggiat francais tempatan dan antarabangsa untuk mengambil peluang ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), Dr. Alauddin Bin Sidal, Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Datuk Dr. Hj Radzali Hassan dan Pengarah Bahagian Pembangunan Francais (BPF), En. Shamshuzaman Bin Haji Sulaiman.

###
